



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2735- 1823



# LAPORAN STATISTIK **TENAGA BURUH**

## APRIL 2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

## APRIL 2022

### Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan <https://bit.ly/PocketStatsS1 2022>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook / Twitter / Instagram : StatsMalaysia  
Emel : info@dosm.gov.my ((pertanyaan umum)  
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 09 Jun 2022

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

**eISSN 2735 - 1831**

## KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan tenaga buruh bagi April 2022 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berikut negara berada dalam fasa peralihan ke endemik. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden dan semua pihak yang telah menyumbang kepada pelaksanaan survei dan penyediaan penerbitan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2022

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## ISI KANDUNGAN

MUKA  
SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v

Sorotan Utama	1
<b>1. Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>2. Guna Tenaga</b>	<b>2</b>
<b>3. Pengangguran</b>	<b>4</b>
<b>4. Tenaga Buruh</b>	<b>5</b>
<b>5. Luar Tenaga Buruh</b>	<b>6</b>
<b>6. Inisiatif Kerajaan</b>	<b>7</b>
<b>7. Menuju ke Hadapan</b>	<b>9</b>

### Senarai Jadual

<b>Jadual A</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2021	<b>A-1</b>
<b>Jadual B</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2022	<b>A-2</b>
<b>Jadual B1</b>	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2022	<b>A-3</b>
<b>Jadual B2</b>	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2022	<b>A-4</b>
<b>Jadual B3</b>	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2022	<b>A-5</b>
<b>Jadual C</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - April 2022	<b>A-6</b>
<b>Jadual C1</b>	: Statistik utama tenaga buruh pelarasian musim, Malaysia, Januari 2010 - April 2022	<b>A-10</b>
<b>Jadual C2</b>	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - April 2022	<b>A-14</b>
<b>Jadual C3</b>	: Pengangguran belia dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - April 2022	<b>A-16</b>
<b>Jadual C4</b>	: Penduduk bekerja mengikuti taraf pekerjaan, Januari 2016 - April 2022	<b>A-18</b>
<b>Jadual D</b>	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2021	<b>A-20</b>
<b>Jadual E</b>	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2021	<b>A-21</b>
<b>Jadual F</b>	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2021	<b>A-23</b>
<b>Jadual G</b>	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, April 2021 - April 2022	<b>A-24</b>

## GLOSARI

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Gunna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiarai dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Gunna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan gunna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

**Pekerja mahir:**

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

**Pekerja separuh mahir:**

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

**Pekerja berkemahiran rendah:**

9. Pekerjaan asas.

## GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan tentera.

- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
- Menganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
- Pekerja : Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
- Pekerja keluarga tanpa gaji : Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
- Penganggur aktif : Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
- Penganggur tidak aktif : Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
- Tenaga buruh : Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

## AKRONIM

AF	: Kemudahan Pertanian Makanan
AS	: Amerika Syarikat
BNM	: Bank Negara Malaysia
CATI	: <i>Computer Assisted Telephone Interview</i>
CENDANA	: <i>Cultural Economy Development Agency</i>
DanaNITA	: Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
DPGS	: Skim Jaminan Danajamin Prihatin
ILO	: <i>International Labour Organizations</i>
IP	: Indeks Pelopor
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
KPT-CAP	: Program Peningkatan Kerjaya
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
MDEC	: <i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>
MTC	: Syarikat Pertengahan Teknikal dan Digital
MYWiT	: <i>MyDigitalWorkforce Work in Tech</i>
PenjanaKerjaya	: Program Insentif Pengambilan Pekerja
PERKESO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKS	: Perusahaan Kecil dan Sederhana
ProSPEC	: Program Pembangunan Usahawan Profesional
PROTEGE	: <i>Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs</i>
PRUV-ATM	: Program Reskilling & Upskilling Veteran ATM
PSU	: Program Subsidi Upah
PUTEK	: Program Pembangunan Usahawan Teknikal
PUTRA	: Program Usahawan Lepasan Institusi Pendidikan MARA/ Belia
RM	: Ringgit Malaysia
SGD	: Dolar Singapura
SPN	: Skim Perantisan Nasional
SPUMI	: Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India
STB	: Survei Tenaga Buruh
TRRF	: Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar



## TENAGA BURUH MALAYSIA, APRIL 2022

Kadar pengangguran April menurun kepada 3.9 peratus, di bawah 4.0 peratus buat kali pertama sejak pandemik COVID-19

### TENAGA BURUH



**69.4%**

Kadar penyertaan tenaga buruh April terus mengukuh sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus

### PENDUDUK BEKERJA



### PENGANGGURAN



% Peratus perubahan (tahun ke tahun)  
% Peratus perubahan (bulan ke bulan)

mp Mata peratus

### LUAR TENAGA BURUH



Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga



BERSEKOLAH/ LATIHAN



KERJA RUMAH/  
TANGGUNGJAWAB KELUARGA

**40.6% 42.0%**



## KONSEP DAN DEFINISI



### Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan Computer-Assisted Telephone Interview (CATI).

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organizations (ILO)*.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

#### TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

#### BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelitian buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

#### PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

#### LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk

#### KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

#### KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaruan penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

#### PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, turning point dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkirkan kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaras kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia.

## SOROTAN UTAMA

- **Penduduk bekerja kekal dalam trend positif dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.5 peratus atau bersamaan dengan 84.1 ribu orang** merekodkan 15.85 juta orang pada April 2022 (Mac 2022: 15.77 juta orang). Begitu juga, dari segi pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.6 peratus. **Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga naik sebanyak 0.3 mata peratus kepada 66.7 peratus** berbanding 66.4 peratus pada Mac 2022.
- Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam Perkhidmatan terus mengekalkan trend positif terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman dan Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan juga terus meningkat. Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja buat kali pertama pada April setelah 22 bulan berturut-turut mencatatkan penurunan bulan ke bulan. Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian terus mencatatkan pengurangan dalam guna tenaga.
- **Kategori pekerja** yang merangkumi komposisi terbesar penduduk bekerja iaitu sebanyak **76.3 peratus**, meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan kepada **12.09 juta orang** (Mac 2022: 12.06 juta orang). Begitu juga, **penduduk bekerja sendiri** terus meningkat dengan pertambahan 31.9 ribu orang (+1.2%) kepada **2.72 juta orang** pada April 2022 (Mac 2022: 2.69 juta orang). Peningkatan ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh lebih banyak aktiviti perniagaan sempena sambutan Ramadan dan persiapan menjelang Aidilfitri pada bulan tersebut selari dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang menggalakkan sektor pelancongan dan industri berkaitan pelancongan untuk meneruskan aktiviti mereka.
- Pada April 2022, bilangan **penganggur terus menurun** bagi sembilan bulan berturut-turut, mencatatkan pengurangan sebanyak **3.0 peratus** atau bersamaan dengan **19.9 ribu orang** kepada **649.3 ribu penganggur** (Mac 2022: 669.2 ribu orang). Sementara itu mengikut terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur berkurang sebanyak 4.1 peratus. Oleh itu, **kadar pengangguran turun** di bawah kadar 4.0 peratus buat kali pertama merekodkan **3.9 peratus** (Mac 2022: 4.1%) setelah dua tahun pandemik COVID-19 melanda negara ini. Anggaran pelarasan bermusim bagi kadar pengangguran April menunjukkan penurunan bulan ke bulan sebanyak 0.2 mata peratus kepada 3.9 peratus.
- Pada April 2022, bilangan **tenaga buruh** mencatatkan **peningkatan** sebanyak **0.4 peratus (+64.3 ribu orang)** bulan ke bulan kepada **16.50 juta orang** (Mac 2022: 16.44 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) April **terus mengukuh sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus** (Mac 2022: 69.2%), menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Dari segi anggaran pelarasan musim, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.4 peratus manakala KPTB naik sebanyak 0.3 mata peratus.
- Berikutan fasa peralihan ke endemik pada bulan April 2022, bilangan penduduk **luar tenaga buruh terus menurun** dengan pengurangan sebanyak **39.5 ribu orang (-0.5%)** merekodkan **7.27 juta orang** (Mac 2022: 7.31 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** dengan 42.0 peratus dan diikuti oleh kategori **bersekolah/ latihan** (40.6%).
- Menuju ke hadapan, peningkatan jumlah permohonan oleh majikan bagi pekerja bukan warganegara berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara dijangka akan dapat mengurangkan isu kekurangan guna tenaga terutamanya dalam sektor Pembinaan dan Pertanian; dan seterusnya akan merangsang lagi kedudukan pasaran buruh negara. Selain itu, aliran masuk pelancong asing juga boleh menyumbang kepada pemulihian semula industri pelancongan terutamanya dalam subsektor penginapan. Selain daripada kesan negatif akibat susut nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar AS terhadap ekonomi, ia mungkin akan memberi kesan positif terhadap sektor pelancongan dari segi kos yang lebih rendah bagi pelancong dan ia akan menjadikan negara ini sebagai destinasi percutian pilihan. Perbelanjaan pelancong juga dapat membantu perniagaan kecil untuk pulih setelah dua tahun berdepan kesukaran akibat pandemik tersebut. Situasi ini dilihat akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berikutan aktiviti perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja untuk menampung permintaan barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat. Oleh itu, pasaran buruh dijangka akan terus berdaya tahan pada bulan-bulan akan datang.

## **1 KEDUDUKAN PASARAN BURUH PADA APRIL 2022 TERUS KUKUH DENGAN PENINGKATAN BERTERUSAN GUNA TENAGA, MANAKALA PENGANGGURAN TERUS DALAM TREND PENURUNAN SUSULAN SEMUA AKTIVITI EKONOMI SEMAKIN BERKEMBANG**

Pada awal bulan April 2022, umat Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia menyambut bulan suci Ramadan. Selain manfaat kesihatan dan rohani, bulan Ramadan juga menyumbang impak positif terhadap ekonomi berikutan lebih banyak bazar dibuka semula setelah berdepan kesulitan ketika pandemik. Pengoperasian bazar Ramadan dan Aidilfitri akan dapat memberi lebih banyak peluang terutamanya kepada perniagaan baharu dan sedia ada untuk memulakan operasi mereka. Selain itu, dengan pembukaan semula sempadan negara kepada umum berkuat kuasa pada 1 April 2022 telah merangsang ekonomi khususnya dalam industri pelancongan dan industri berkaitan pelancongan dengan menggalakkan kemasukan pelancong asing ke Malaysia sama ada untuk tujuan perniagaan atau percutian serta memberi peluang kepada pelancong tempatan untuk melancong di dalam dan luar negara.

Menurut Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi, pembukaan semula sempadan Malaysia-Singapura pada 1 April 2022 telah meningkatkan aktiviti perniagaan di Johor, dengan ribuan rakyat Singapura memasuki negeri tersebut untuk membeli-belah<sup>1</sup>. Selain itu, kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Singapura (SGD) telah menggalakkan lebih ramai rakyat Singapura untuk datang ke Malaysia. Rakyat Singapura mempunyai lebih kuasa membeli berikutan nilai SGD yang lebih kukuh dan akan terus membeli-belah di Malaysia. Walaupun ramai yang menganggap penurunan nilai mata wang RM sebagai sesuatu yang negatif, namun dari sudut lain, ia akan dapat memberi manfaat kepada perniagaan kecil untuk meningkatkan pendapatan mereka setelah dua tahun yang mencabar akibat pandemik. Justeru, pembukaan semula sempadan negara dilihat sebagai satu perkembangan positif terhadap ekonomi negara kerana ia dapat membantu dalam memulihkan industri pelancongan yang merupakan industri yang paling terjejas ketika pandemik. Setelah pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan sebanyak 5.0 peratus pada suku pertama 2022 disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, aktiviti ekonomi terus berkembang pada April 2022.

Oleh itu, permintaan untuk buruh terus berkembang bagi menampung kapasiti operasi perniagaan. Ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada pencari kerja dan seterusnya membantu dalam merangsang pasaran buruh. Justeru, lanjutan semua aktiviti ekonomi semakin berkembang, kedudukan pasaran buruh pada April 2022 terus mengukuh dengan peningkatan berterusan dalam guna tenaga, manakala pengangguran terus berada dalam trend penurunan yang mencerminkan impak yang menggalakkan susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia. Dalam pada itu, Indeks Pelopor (IP) kekal dalam trend meningkat pada Mac 2022, bertambah sebanyak 0.4 peratus kepada 111.3 mata berbanding 110.9 mata pada Februari 2022, menunjukkan bahawa pemulihran ekonomi Malaysia akan terus berdaya tahan. Walau bagaimanapun, berbanding Mac 2022, kedua-dua eksport dan import bagi indikator perdagangan luar negeri masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 3.1 peratus (Mac 2022: +28.6%) dan 0.9 peratus (Mac 2022: +27.2%) pada April 2022, setelah merekodkan pertumbuhan dua digit pada bulan sebelumnya.

## **2 Penduduk bekerja kekal dalam trend positif pada April 2022**

**Penduduk bekerja kekal dalam trend positif dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.5 peratus atau bersamaan dengan 84.1 ribu orang** merekodkan 15.85 juta orang pada April 2022 (Mac 2022: 15.77 juta orang). Begitu juga, dari segi pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.6 peratus. Sementara itu, perbandingan tahun ke tahun, bilangan penduduk


<sup>1</sup> <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/04/30/malaysia-singapore-border-reopening-a-boon-to-johors-economy-says-mb/2056488>

bekerja terus meningkat sebanyak 3.3 peratus atau bersamaan dengan 501.5 ribu orang (April 2021: 15.35 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam Perkhidmatan terus mengekalkan trend positif terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman dan Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan juga terus meningkat. Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja buat kali pertama pada bulan tersebut setelah 22 bulan berturut-turut mencatatkan penurunan bulan ke bulan. Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian terus mencatatkan pengurangan dalam guna tenaga.


**Nisbah guna tenaga kepada penduduk** yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga **naik sebanyak 0.3 mata peratus kepada 66.7 peratus** berbanding 66.4 peratus pada Mac 2022. Begitu juga, perbandingan secara tahunan, nisbah ini bertambah sebanyak 1.3 mata peratus berbanding 65.4 peratus (April 2021). [Carta 1]

**Carta 1:** Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2018 - April 2022



**Kategori pekerja** yang merangkumi komposisi terbesar penduduk bekerja iaitu sebanyak **76.3 peratus**, meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan kepada **12.09 juta orang** (Mac 2022: 12.06 juta orang). Begitu juga, **penduduk bekerja sendiri** terus meningkat dengan pertambahan 31.9 ribu orang (+1.2%) kepada **2.72 juta orang** pada April 2022 (Mac 2022: 2.69 juta orang). Peningkatan ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh lebih banyak aktiviti perniagaan sempena sambutan Ramadan dan persiapan menjelang Aidilfitri pada bulan tersebut selari dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang menggalakkan sektor pelancongan dan industri berkaitan pelancongan untuk meneruskan aktiviti mereka. Kumpulan ini sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai; serta pekebun kecil. [Carta 2]

**Carta 2:** Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Mac dan April 2022




**Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu merekodkan penurunan sebanyak 6.0 peratus atau 5.6 ribu orang kepada 88.3 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (Mac 2022: 93.9 ribu orang). Trend yang sama dilihat pada asas tahun ke tahun, yang mencatatkan penurunan sebanyak 27.7 ribu orang berbanding 116.0 ribu orang pada April 2021. Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.**

### 3 Kadar pengangguran April menurun di bawah 4.0 peratus buat kali pertama merekodkan 3.9 peratus

Pada April 2022, bilangan **penganggur terus menurun** bagi sembilan bulan berturut-turut, mencatatkan pengurangan sebanyak **3.0 peratus** atau bersamaan dengan **19.9 ribu orang** kepada **649.3 ribu penganggur** (Mac 2022: 669.2 ribu orang). Sementara itu, mengikut terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur berkurang sebanyak 4.1 peratus. Oleh itu, **kadar pengangguran** menurun di bawah **4.0 peratus** buat kali pertama merekodkan **3.9 peratus** (Mac 2022: 4.1%) setelah dua tahun pandemik COVID-19 melanda negara ini. Anggaran pelarasan bermusim bagi kadar pengangguran April menunjukkan bahawa bulan ke bulan, kadar tersebut turun sebanyak 0.2 mata peratus kepada 3.9 peratus.

Perbandingan tahun ke tahun, bilangan penganggur berkurang sebanyak 12.6 peratus atau 93.4 ribu orang (April 2021: 742.7 ribu orang). Kadar pengangguran turun sebanyak 0.7 mata peratus berbanding April 2021 (4.6%). [Carta 3]


**Carta 3:** Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - April 2022



Bagi kategori penganggur, sebahagian besar mereka yang menganggur adalah **penganggur aktif** atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kategori ini yang merangkumi **83.6 peratus** daripada jumlah penganggur, mencatatkan penurunan sebanyak **3.2 peratus (-18.1 ribu orang)** kepada **542.9 ribu orang** (Mac 2022: 561.0 ribu orang). Daripada jumlah penganggur aktif, **58.1 peratus** adalah **penganggur kurang daripada tiga bulan**, sementara **7.1 peratus** adalah mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang** melebihi setahun<sup>2</sup>. Sementara itu, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau **penganggur tidak aktif** terus menurun sebanyak **1.6 peratus (-1.7 ribu orang)** mencatatkan **106.4 ribu orang** (Mac 2022: 108.1 ribu orang). [Carta 4]


<sup>2</sup> Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM 11: long-term Unemployment) [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms\\_422451.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf)

**Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Mac dan April 2022**



**Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun menurun** sebanyak **0.3 mata peratus** kepada **12.8 peratus** dengan bilangan penganggur belia berkurang sebanyak 3.8 ribu orang atau 1.1 peratus merekodkan 357.2 ribu orang (Mac 2022: 361.0 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran belia bagi umur **15 hingga 30 tahun** menurun sebanyak **0.3 mata peratus** kepada **7.7 peratus**, dengan bilangan belia yang menganggur menurun sebanyak 0.2 peratus (-1.2 ribu orang) kepada 501.2 ribu orang (Mac 2022: 8.0%; 502.4 ribu orang). [Carta 5]

**Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - April 2022**




#### 4 KPTB April meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus

Pada April 2022, bilangan **tenaga buruh** merekodkan **peningkatan sebanyak 0.4 peratus (+64.3 ribu orang)** bulan ke bulan kepada **16.50 juta orang** (Mac 2022: 16.44 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) April **terus mengukuh sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus** (Mac 2022: 69.2%), menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Dari segi anggaran pelarasan musim, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.4 peratus manakala KPTB naik sebanyak 0.3 mata peratus.


Berbanding tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.5 peratus atau 408.1 ribu orang (April 2021: 16.09 juta orang). KPTB meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding 68.6 peratus pada April 2021. [Carta 6]

**Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - April 2022**



Perbandingan mengikut jantina, **tenaga buruh lelaki mencatatkan peningkatan pada bulan tersebut kepada 10.15 juta orang** (Mac 2022: 10.08 juta orang), manakala **tenaga buruh wanita meningkat sedikit** merekodkan **6.36 juta orang**. Justeru, kedua-dua KPTB lelaki dan perempuan masing-masing **meningkat sebanyak 0.1 mata peratus** kepada **82.3 peratus** dan **55.5 peratus**. Berbanding April 2021, KPTB lelaki bertambah sebanyak 1.3 mata peratus (April 2021: 81.0%), manakala KPTB wanita naik sebanyak 0.3 mata peratus (April 2021: 55.2%). [Carta 7]


**Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - April 2022**



## 5 Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

Berikutan fasa peralihan ke endemik pada bulan April 2022, bilangan penduduk **luar tenaga buruh terus menurun** dengan pengurangan sebanyak **39.5 ribu orang (-0.5%)** merekodkan **7.27 juta orang** (Mac 2022: 7.31 juta orang). Tahun ke tahun, bilangannya berkurang sebanyak 106.6 ribu orang atau **1.5 peratus** (April 2021: 7.38 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/tanggungjawab keluarga** dengan 42.0 peratus dan diikuti oleh kategori **bersekolah/ latihan** (40.6%). [Carta 8]

**Carta 8:** Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Mac dan April 2022



## 6 INISIATIF KERAJAAN<sup>3</sup>

Program Subsidi Upah (PSU) merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan di bawah Pakej PRIHATIN bagi membantu majikan untuk meneruskan operasi dan mengekalkan pekerja. Sehingga 17 Mei 2022, dengan nilai subsidi upah yang diluluskan berjumlah RM12.96 bilion, PSU 1.0 telah memanfaatkan seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja berdaftar. Selain itu, 81,155 majikan telah menerima manfaat sebanyak RM1.41 bilion melalui PSU 2.0 di bawah Pakej Kita PRIHATIN, membolehkan mereka untuk terus beroperasi dan mengekalkan seramai 718,643 pekerja. Seterusnya, PSU 3.0 dilaksanakan bagi membantu seramai 162.3 ribu majikan untuk mengekalkan 1.53 juta pekerja dengan nilai sebanyak RM3.75 bilion. Selain itu, sejumlah RM2.53 bilion disalurkan kepada 161,572 majikan dan 1.9 juta pekerja melalui PSU 4.0 di bawah pakej PEMULIH. Tambahan lagi, melalui PSU 5.0, sejumlah RM165.4 bilion diperuntukkan kepada 7,077 majikan bagi mengekalkan seramai 100,663 pekerja.

Sementara itu, sehingga 15 Mei 2022, seramai 15,176 majikan dan 116,404 pekerja telah mendapat manfaat daripada Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM527.30 juta di bawah PenjanaKerjaya 1.0. Terdapat seramai 16,709 majikan dan 138,691 pekerja telah menerima bantuan sebanyak RM817.84 juta dibawah PenjanaKerjaya 2.0. Seterusnya, sebanyak RM512.39 juta disalurkan kepada 13,779 majikan yang melibatkan seramai 84,608 pekerja di bawah program PenjanaKerjaya 3.0. Melalui program PenjanaKerjaya, kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM1.85 bilion kepada 45,664 majikan, bagi membolehkan mereka mengekalkan seramai 339,703 pekerja tempatan. Tambahan lagi, inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia PERKESO telah berjaya menempatkan seramai 65,825 pekerja sehingga 30 April 2022. Di samping itu, Program *Reskilling* dan *Upskilling* Veteran ATM (PRUV-ATM) yang direka khas untuk veteran tentera yang telah bersara, telah menyediakan program latihan kemahiran dan keusahawanan kepada seramai 8,736 veteran sehingga 30 April 2022.

Seterusnya, seramai 2,750 graduan telah berjaya ditempatkan melalui Program Peningkatan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP). Selain itu, seramai 2,479 belia baharu telah berjaya ditempatkan melalui Insentif Pekerjaan JaminKerja khusus untuk perantis melalui Skim Perantisan Nasional (SPN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia serta Agensi-agensi persekutuan di bawah ketiga-tiga kementerian tersebut. Sehingga 8 Mei 2022, *MyDigitalWorkforce Work in Tech (MYWiT)*

<sup>3</sup> Segmen ini dimasukkan ke dalam laporan sebagai rujukan pembaca berdasarkan Laporan Kewangan Rakyat ke-95 dan 96 berkenaan status kelulusan, pembayaran dan pendaftaran setakat 21 dan 27 Mei 2022.

telah berjaya menempatkan seramai 649 peserta daripada 3,596 pemohon dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital. Selain itu, inisiatif *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bagi pelaksanaan program peningkatan kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan, terdapat seramai 2,060 graduan berjaya ditempatkan sehingga 30 April 2022.

Bagi memperkasa perniagaan, MARA telah meluluskan sejumlah RM3.09 juta kepada 350 usahawan baharu sehingga 30 April 2022 di bawah Program Usahawan Lepasan Institusi Pendidikan Belia/ MARA (PUTRA), yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan mikro dalam semua sektor seperti peruncitan, pembuatan dan perkhidmatan kecuali pertanian dan penternakan serta bagi melahirkan usahawan dinamik dalam kalangan generasi muda yang bersemangat untuk memulakan perniagaan. Selain itu, sejumlah RM1.80 juta telah disalurkan kepada seramai 25 usahawan teknikal MARA di bawah Program Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK), yang merupakan kemudahan kewangan kepada generasi muda untuk memulakan perniagaan dalam bidang teknikal berdasarkan kebolehan yang diperolehi di bawah MARA. Seterusnya, sehingga 30 April 2022, sejumlah RM10 juta telah diluluskan bagi Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) untuk membantu seramai 265 usahawan wanita yang terjejas akibat COVID-19 dan meningkatkan kapasiti perniagaan mereka. Selain itu, dengan peruntukan RM8.0 bilion, Kemudahan Bantuan Dan Pemulihan Bersasar (TRRF) ditawarkan sebagai kemudahan pinjaman untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas dalam sektor perkhidmatan. Sebanyak 20,800 PKS telah mendapat manfaat daripada 34,330 permohonan, berjumlah RM5.62 bilion setakat 20 April 2022.

Selain itu, terdapat 2,250 permohonan telah diluluskan daripada 2,978 jumlah permohonan dengan nilai kelulusan sebanyak RM1.76 bilion di bawah Kemudahan Pertanian Pemakanan (AF) yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), dengan matlamat memacu pmodenan sektor pertanian secara teratur bagi meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan yang lebih tinggi dan menarik lebih ramai usahawan tani yang lebih muda. Selain itu, melalui Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) di bawah MARA yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan perniagaan dan meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang keusahawanan profesional, sebanyak RM2.8 juta telah diluluskan kepada seramai sembilan orang profesional untuk menceburi bidang keusahawanan sehingga 30 April 2022. Di samping itu, sejumlah RM12.07 juta telah disalurkan bagi menyokong sebanyak 596 PKS Mikro di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), sebuah program strategik di bawah TEKUN yang bertujuan untuk membantu masyarakat India dalam membangunkan ekonomi mereka melalui perniagaan dan keusahawanan.

Sementara itu, sehingga 13 Mei 2022, sebanyak 404 permohonan daripada 765 jumlah permohonan telah diluluskan yang melibatkan dana berjumlah RM82.73 juta melalui program Pembiayaan Sektor Pelancongan Penjana, yang diperuntukkan khusus kepada PKS Bumiputera bagi menyokong PKS dan mikro PKS yang masih terjejas akibat pandemik COVID-19. Begitu juga, sejumlah RM92.9 juta telah disalurkan kepada 13,893 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan pendigitalan bagi menyokong dan menggalakkan PKS dan Syarikat Peringkat Pertengahan Teknikal dan Digital (MTC) untuk mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan mereka. Seterusnya, program CENDANA yang bertujuan untuk menyokong Sektor Seni, Budaya dan Hiburan, sebanyak RM7.24 juta diperuntukkan kepada 589 penerima termasuk artis dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam industri Seni dan Budaya Malaysia.

## **7 MENUJU KE HADAPAN**

Iklim ekonomi semasa banyak dipengaruhi oleh gangguan rantaian bekalan global susulan krisis geopolitik yang berterusan, perubahan iklim serta tindakan pengekangan COVID-19 yang ketat oleh negara China. Di samping itu, negara-negara tertentu telah mengenakan larangan ke atas eksport barang terpilih bagi menangani kekurangan produk dalam pasaran tempatan. Sebaliknya, peningkatan permintaan berikutan pelonggaran sekatan COVID-19 di kebanyakan negara juga memberi tekanan kepada harga. Dalam mengurangkan inflasi yang tinggi yang merupakan ancaman utama kepada pembangunan ekonomi, kebanyakan negara telah mula melaksanakan dasar monetari yang lebih ketat dengan menaikkan kadar faedah bagi membendung kenaikan harga dan permintaan. Bagi Malaysia, BNM telah menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada 11 Mei 2022 berikutan kenaikan harga dan peningkatan permintaan domestik dan prestasi eksport yang stabil. Dalam hal ini, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia akan sedikit terganggu kerana inflasi menjelaskan permintaan manakala pelaksanaan dasar monetari yang ketat di seluruh negara juga boleh menjelaskan produk dari Malaysia. Ini sedikit sebanyak akan menjelaskan trajektori positif pasaran buruh negara.

Walau bagaimanapun, tinjauan ekonomi yang lebih positif dapat dilihat susulan negara dalam fasa peralihan ke endemik. Peningkatan jumlah permohonan oleh majikan bagi pekerja bukan warganegara berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara dijangka akan dapat mengurangkan isu kekurangan guna tenaga terutamanya dalam sektor Pembinaan dan Pertanian; dan seterusnya akan merangsang lagi kedudukan pasaran buruh negara. Selain itu, aliran masuk pelancong asing juga boleh menyumbang kepada pemulihran semula industri pelancongan terutamanya dalam subsektor penginapan. Selain daripada kesan negatif akibat penyusutan nilai RM berbanding Dolar AS terhadap ekonomi, ia mungkin akan memberi kesan positif terhadap sektor pelancongan dari segi kos yang lebih rendah bagi pelancong dan ia akan menjadikan negara ini sebagai destinasi percutian pilihan. Perbelanjaan pelancong juga dapat membantu perniagaan kecil untuk pulih setelah dua tahun berdepan kesukaran akibat pandemik tersebut. Situasi ini dilihat akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berikutan aktiviti perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja untuk menampung permintaan barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat. Oleh itu, pasaran buruh dijangka akan terus berdaya tahan pada bulan-bulan akan datang. Selaras dengan IP, yang mana merupakan indikator bagi mengukur hala tuju ekonomi negara, menunjukkan ekonomi jangka pendek dijangka kekal berada di landasan pemulihran.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# **JADUAL**

**TENAGA BURUH, MALAYSIA  
APRIL 2022**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2021

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	(‘000)		Kadar Pengangguran (%)
						Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk		
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7		3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2		3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0		5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0		5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2		7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7		7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0		7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4		5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6		4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5		3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8		4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7		3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6		2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0		2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2		3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0		3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4		3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6		3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1		3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9		3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1		3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0		3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0		3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2		3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6		3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6		3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6		3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5		3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6		3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2		3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7		2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8		3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4		3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7		3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0		3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4		3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3		4.5
2021	15,797.2	15,064.2	733.0	7,221.4	68.6	65.4		4.6

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2022

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyerahan Tenaga Buruh	('000)		(%)
						Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran	
<b>2010</b>								
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6	
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3	
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2	
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1	
<b>2011</b>								
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0	
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0	
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1	
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1	
<b>2012</b>								
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0	
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0	
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0	
<b>2013</b>								
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0	
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1	
ST4	14,195.1	13,739.5	455.6	6,730.7	67.8	65.7	3.2	
<b>2014</b>								
ST1	14,230.8	13,791.4	439.4	6,805.9	67.6	65.6	3.1	
ST2	14,296.1	13,888.5	407.6	6,793.0	67.8	65.9	2.9	
ST3	14,346.9	13,960.6	386.3	6,810.3	67.8	66.0	2.7	
ST4	14,403.3	13,998.7	404.6	6,860.9	67.7	65.8	2.8	
<b>2015</b>								
ST1	14,544.8	14,091.0	453.9	6,798.5	68.1	66.0	3.1	
ST2	14,535.6	14,087.8	447.8	6,897.9	67.8	65.7	3.1	
ST3	14,561.0	14,093.7	467.3	6,930.6	67.8	65.6	3.2	
ST4	14,600.2	14,127.9	472.3	6,952.7	67.7	65.6	3.2	
<b>2016</b>								
ST1	14,596.8	14,095.8	501.0	7,011.5	67.6	65.2	3.4	
ST2	14,665.4	14,161.5	503.9	7,026.0	67.6	65.3	3.4	
ST3	14,710.6	14,202.0	508.5	7,044.6	67.6	65.3	3.5	
ST4	14,771.4	14,260.6	510.8	7,071.7	67.6	65.3	3.5	
<b>2017</b>								
ST1	14,870.1	14,355.9	514.2	7,093.8	67.7	65.4	3.5	
ST2	14,926.4	14,414.8	511.6	7,123.3	67.7	65.4	3.4	
ST3	15,000.2	14,484.0	516.2	7,091.0	67.9	65.6	3.4	
ST4	15,088.3	14,580.5	507.8	7,085.0	68.0	65.8	3.4	
<b>2018</b>								
ST1	15,192.4	14,683.6	508.9	7,093.7	68.2	65.9	3.3	
ST2	15,278.3	14,767.2	511.1	7,073.4	68.4	66.1	3.3	
ST3	15,381.3	14,856.8	524.4	7,077.9	68.5	66.2	3.4	
ST4	15,449.9	14,933.4	516.5	7,070.7	68.6	66.3	3.3	
<b>2019</b>								
ST1	15,526.8	15,010.2	516.6	7,064.2	68.7	66.4	3.3	
ST2	15,598.8	15,078.2	520.6	7,088.1	68.8	66.5	3.3	
ST3	15,674.3	15,162.1	512.1	7,088.7	68.9	66.6	3.3	
ST4	15,766.7	15,254.5	512.2	7,066.1	69.1	66.8	3.2	
<b>2020</b>								
ST1	15,790.1	15,243.5	546.6	7,163.1	68.8	66.4	3.5	
ST2	15,675.5	14,883.7	791.8	7,350.5	68.1	64.6	5.1	
ST3	15,840.6	15,095.6	745.0	7,324.6	68.4	65.2	4.7	
ST4	15,922.3	15,161.6	760.7	7,318.4	68.5	65.2	4.8	
<b>2021</b>								
ST1	16,008.4	15,236.5	771.8	7,316.0	68.6	65.3	4.8	
ST2	15,972.2	15,207.3	764.9	7,424.9	68.3	65.0	4.8	
ST3	16,021.0	15,274.8	746.2	7,430.1	68.3	65.1	4.7	
ST4	16,135.0	15,440.7	694.4	7,361.5	68.7	65.7	4.3	
<b>2022</b>								
ST1	16,246.1	15,574.9	671.2	7,289.9	69.0	66.2	4.1	

**Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,  
Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2022**

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
<b>2017</b>							
ST1	<b>415.5</b>	177.3	238.2	57.4	79.7	90.8	187.6
ST2	<b>396.8</b>	168.8	228.0	52.8	79.0	95.1	170.0
ST3	<b>393.0</b>	163.2	229.7	57.3	91.1	81.4	163.1
ST4	<b>419.3</b>	173.1	246.2	60.2	105.4	84.3	169.4
<b>2018</b>							
ST1	<b>462.3</b>	172.9	289.3	61.2	119.5	98.7	182.9
ST2	<b>497.2</b>	207.7	289.5	75.5	132.4	101.3	188.0
ST3	<b>442.4</b>	172.7	269.7	56.4	96.7	98.3	191.0
ST4	<b>370.0</b>	140.9	229.0	39.2	80.4	78.9	171.4
<b>2019</b>							
ST1	<b>352.6</b>	143.7	209.0	52.2	90.9	68.9	140.7
ST2	<b>374.3</b>	171.5	202.8	43.6	84.1	87.8	158.8
ST3	<b>326.6</b>	118.9	207.6	42.5	73.6	79.7	130.8
ST4	<b>304.0</b>	112.3	191.8	39.1	62.9	72.8	129.3
<b>2020</b>							
ST1	<b>667.5</b>	320.1	347.4	91.0	189.1	146.5	240.9
ST2	<b>789.6</b>	444.0	345.7	134.6	229.1	182.0	244.0
ST3	<b>403.8</b>	151.4	252.4	116.1	118.0	72.1	97.6
ST4	<b>533.7</b>	345.6	188.0	165.5	189.5	71.0	107.6
<b>2021</b>							
ST1	<b>441.9</b>	281.3	160.5	57.0	209.4	106.3	69.2
ST2	<b>474.1</b>	317.8	156.3	102.2	110.1	95.9	165.9
ST3	<b>464.6</b>	282.9	181.6	69.0	166.4	123.7	105.4
ST4	<b>393.8</b>	137.6	256.2	87.0	108.4	97.5	100.9
<b>2022</b>							
ST1	<b>336.3</b>	112.1	224.1	39.1	103.6	77.8	115.8

**Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,  
Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2022**

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur				('000)
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih	
<b>2017</b>								
ST1	<b>211.8</b>	105.9	105.8	36.8	51.0	48.6	75.4	
ST2	<b>195.4</b>	97.7	97.8	34.7	45.2	48.9	66.6	
ST3	<b>224.8</b>	109.1	115.7	46.3	59.3	49.8	69.4	
ST4	<b>238.5</b>	115.3	123.2	45.7	69.4	44.9	78.5	
<b>2018</b>								
ST1	<b>242.5</b>	102.4	141.0	37.3	74.1	52.3	79.7	
ST2	<b>231.7</b>	108.1	123.5	40.2	65.8	43.2	82.5	
ST3	<b>235.5</b>	116.5	119.0	43.4	54.4	49.4	88.3	
ST4	<b>204.1</b>	88.1	115.9	30.8	47.5	44.0	81.7	
<b>2019</b>								
ST1	<b>210.5</b>	98.0	112.5	43.6	61.4	36.9	68.6	
ST2	<b>204.5</b>	107.2	97.2	32.0	53.8	45.7	73.0	
ST3	<b>178.7</b>	70.4	108.2	28.6	44.8	50.9	54.4	
ST4	<b>170.7</b>	69.2	101.5	28.7	44.2	40.6	57.1	
<b>2020</b>								
ST1	<b>383.2</b>	183.2	199.9	63.2	114.1	82.4	123.5	
ST2	<b>413.5</b>	257.6	156.0	76.3	99.3	106.1	131.9	
ST3	<b>300.8</b>	102.3	198.5	108.4	97.2	47.4	47.8	
ST4	<b>369.1</b>	267.8	101.3	130.3	117.4	53.1	68.4	
<b>2021</b>								
ST1	<b>310.5</b>	226.7	83.8	46.4	159.3	67.2	37.6	
ST2	<b>329.7</b>	236.1	93.5	86.6	82.6	46.6	113.8	
ST3	<b>326.2</b>	232.2	93.9	40.4	137.0	87.7	61.0	
ST4	<b>293.1</b>	101.2	191.9	80.8	78.9	70.2	63.2	
<b>2022</b>								
ST1	<b>245.1</b>	71.3	173.8	21.8	76.1	62.6	84.5	

**Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,**

**Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2022**

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
<b>2017</b>							
ST1	<b>1,182.9</b>	567.0	615.9	280.8	569.0	209.3	123.8
ST2	<b>1,280.6</b>	584.9	695.7	317.9	587.7	226.9	148.1
